

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERASMIAN KILANG PERSTIMA

TEMPAT: PASIR GUDANG, JOHOR

TARIKH: 21 APR 1984

MASA:

Yang Berbahagia Dato' Basir Ismail,
Pengerusi Lembaga Pengarah PERSTIMA;
Dif-Dif Kehormat;
Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.
Saya mengucapkan terima kasih kepada Perusahaan Sadur
Timah Malaysia atau PERSTIMA kerana memberi peluang kepada
saya untuk merasmikan kilang sadur timah kepunyaannya.
Kilang ini adalah sebuah kilang perusahaan sadur timah yang
pertama di Malaysia.

2. Bijih timah merupakan sumber yang kedua pentingnya bagi
negara kita dari segi eksport dalam dekad pertama
kemerdekaan. Tetapi sekarang ini sumbangan timah kepada
kekayaan negara telah menurun ke tempat yang kelima dari
segi nilai eksportnya. Walau bagaimanapun bijih timah masih
penting kepada kekayaan negara dan Kerajaan telah
mengambil beberapa langkah bagi memastikan harga bijih
timah tetap stabil. Antara
langkah yang penting sekali ialah Malaysia telah memainkan
peranan utama dalam menubuhkan Majlis Timah Antarabangsa,
atau ITC, dan Pertubuhan Negara-Negara Pengeluar Timah atau
ATPC.

3. Seperkara lagi berkenaan dengan bijih timah ialah
kebanyakan daripadanya telah dieksport tanpa diproses
menjadi barangan siap atau separuh siap terlebih dahulu.
Peratus pengeluaran yang diproses dalam negara adalah sangat
kecil. Sebelum tertubuhnya PERSTIMA ini, timah digunakan
dalam negara cuma untuk barangan pewter sahaja. Dengan itu,
saya sungguh berbangga kerana PERSTIMA merupakan perusahaan
sadur timah yang pertama di negara ini yang menggunakan
timah sebagai salah satu bahan untuk 'tin-plate', iaitu
bahan untuk membuat 'tin-cans' dan lain-lain.

4. Adalah menjadi satu dasar Kerajaan untuk menggalakkan
bahan-bahan mentah negara ini diproses dalam Malaysia untuk
barangan siap dan separuh siap. Justeru itu kita telah
menggalakkan lebih banyak firma-firma atau perusahaan
menggunakan getah, minyak sawit, kayu-kayan, bijih timah dan
lain-lain, supaya digunakan dalam pengeluaran barang buatan
di dalam negeri. Langkah ini bukan sahaja dapat menambah
nilai atau 'value added' kepada bahan-bahan utama itu
sebelum dieksport, tetapi juga dapat menambah peluang

pekerjaan serta meningkatkan teknologi dalam negara kita. Sebagai satu langkah menggalakkan penggunaan timah dalam negeri, Kerajaan telah menawarkan rebat cukai, atau 'tax rebate', sebanyak \$700.00 bagi setiap tan metrik kepada bijih timah yang digunakan dalam negeri. PERSTIMA merupakan salah satu syarikat yang mendapat rebat cukai ini. Dengan galakkan seperti itu, Kerajaan berharap pengusaha-pengusaha tempatan akan menggunakan lebih banyak bijih timah dalam perusahaan mereka.

5. Menyentuh tentang usahasama, tujuan mengadakannya dengan pemodal asing ialah supaya modal luar akan mengalir ke dalam negara kita, atau untuk mendapatkan pasaran eksport atau untuk 'expertise' dan teknologi. Saya telah menghuraikan dengan panjang lebar baru-baru ini berkenaan dengan pemindahan teknologi kepada kita. Pemindahan ini bukan 'one-sided' iaitu pihak yang ada teknologi menyampaikannya sahaja. Supaya pemindahan benar-benar berlaku, kita sendiri mestilah menyediakan diri, dan mengejar teknologi yang hendak dipindahkan. Kita mesti menyoal dan mengkaji serta membuat kerja-kerja sendiri, walaupun kita sudah berpangkat tinggi dan tidak dikehendaki mengotorkan tangan kita lagi. Jikalau kita tinggal dalam pejabat dan semua kerja-kerja 'on the shop floor' ditinggalkan kepada pekerja-pekerja kilang, pekerja mungkin menjadi cekap, tetapi teknologi tidak akan berpindah kepada kita. Teknologi yang diperolehi dari buku atau dari kuliah, tidak bermakna sehinggalah ianya diuji dan diamal secara praktikal 'on the shop floor'. Jurutera yang tidak mahu bersama dengan pekerja dalam menjalankan segala jentera dan proses dalam kilang, tidak mungkin menjadi jurutera yang cekap yang boleh diakui sebagai pemilik teknologi.

6. Satu lagi perkara yang penting berkenaan teknologi ialah ianya tidak statik. Teknologi yang 'latest' atau 'state of the art' hari ini, akan menjadi teknologi usang dan kolot dalam beberapa tahun sahaja. Jika kita menguasai sesuatu teknologi, kita tidak boleh berpuas hati dan berdiam diri. Selain daripada kita mengikuti perkembangannya, kita sendiri mesti memikirkan cara-cara untuk memperbaiki lagi teknologi yang kita telah kuasai. Jika tidak, maka kita akan ketinggalan dalam sekejap masa sahaja dan tidak akan dapat bersaing dari segi produktiviti dan 'cost efficiency'. Teknologi dahulu tidak efisien seperti teknologi hari ini. Tetapi teknologi hari ini tidak akan efisien seperti teknologi masa depan.

7. Memandangkan kepada hakikat inilah, maka kita semua perlu lebih agresif dan lebih cergas dalam kerja-kerja yang kita buat. Kilang seperti PERSTIMA ini perlu bergerak sebagai satu unit yang berpadu. Pemisahan antara eksekutif dan bukan eksekutif tidak patut terlalu ketara. Semua pihak mestilah tahu sedikit sebanyak mengenai semua kegiatan dalam perusahaan ini. Eksekutif dan jurutera mestilah kerap berada di 'production line', mestilah tahu kerja-kerja yang dijalankan bukan secara teori tetapi secara praktikal. Pakaian seragam tidak perlu membezakan antara eksekutif

dengan pekerja melainkan di masa-masa tertentu. 'Esprit de Corp' atau semangat berpasukan atau kekitaan mestilah wujud dalam kilang. Perasaan bangga dengan kejayaan kilang sendiri hendaklah menjadi sebahagian daripada peribadi pegawai dan pekerja. Kesetiaan juga mesti dipupuk. Saya yakin dengan cara ini bukan sahaja kilang ini akan berjaya tetapi juga semua kakitangannya akan mendapat faedah.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Saya telah menyentuh baru-baru ini berkenaan dengan 'in-house union' bagi industri baru. Mengikut konsep ini, pekerja-pekerja sesebuah syarikat menubuhkan satu kesatuan sekerja di peringkat syarikat atau kilang itu sahaja, dan tidaklah seperti yang terdapat sekarang di mana kesatuan sekerja mewakili pekerja-pekerja dalam satu-satu perusahaan atau industri yang mungkin mempunyai berpuluh-puluh syarikat atau kilang. Konsep ini diutarakan kerana bukan semua syarikat dalam satu-satu industri itu sama besar atau sama kukuh kedudukan kewangannya. Sementara syarikat gergasi mampu memberi bermacam-macam faedah dan kemudahan, syarikat yang baru dan yang kecil akan gagal terus jika terpaksa memberi faedah dan kemudahan yang sama. Jika tuntutan dibuat berasaskan kepada kerja yang sama dan imbuhan yang sama, maka akan tenggelamlah semua perusahaan yang kecil dan yang baru. Akibatnya ialah pengangguran pekerja-pekerja sendiri. Negara pula tidak dapat membangun dengan pesat dan ekonomi akan lembab. Kita telah merasai kesan kemelesetan ekonomi dan kita tahu betapa ia merugikan kita semua.

9. Di samping itu kita harus ingat bahawa Malaysia baru sahaja memasuki bidang perindustrian. Kerana kita tidak mempunyai teknologi dan segala alat perkilangan untuk industri, kita terpaksa beli dari negara lain, maka kos industri kita adalah jauh lebih tinggi. Pasaran tempatan pula terlalu terhad untuk 'economies of scale'.

10. Satu daripada 'comparative advantage' yang ada pada kita ialah 'labour cost' yang agak rendah. Ianya rendah kerana sara hidup (cost of living) kita juga rendah. Jika kita tidak memelihara dengan baik 'comparative advantage' kita yang satu ini, maka kita tidak mungkin mengadakan industri yang ekonomik di negara kita. Dan jika kita tidak ada industri, pekerja semua akan menganggur.

11. Oleh itu kita perlu berhati-hati tentang penggunaan hak pekerja. Orang-orang asing dan pengikut-pengikut mereka dalam negara kita, sering mendesak supaya apa juga yang diamalkan di negara yang sudah maju, diamalkan juga di negara kita. Bahawa kita tidak ada 'comparative advantage' negara yang sudah maju, tidak disebutkan. Jika kita terpicat dengan saranan mereka ini, maka akan gagallah kita dan negara maju akan terus menjual barang-barang mereka kepada kita. Mereka akan menaikkan lagi harga, dan pekerja mereka akan mendapat gaji yang lebih tinggi sementara pekerja kita menganggur.

12. Konsep 'in-house union' diutarakan kerana ia lebih sesuai dengan negara yang sedang membangun yang baru memasuki bidang perindustrian. Kerana konsep inilah maka negara Jepun telah berjaya memecahkan monopoli industri Barat. Akhirnya pekerja Jepun telah mendapat kehidupan yang lebih bahagia kerana pengorbanan mereka. Demikianlah untungnya sistem 'in-house union' ini sehingga Jepun meneruskannya walaupun ia sudah maju. Jika kita juga sanggup berkorban dahulu, insya-Allah akhirnya pekerja kita akan dapat keuntungan yang bertambah dan bilangan penganggur akan berkurangan.

13. Kerajaan Malaysia adalah Kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Lebih ramai rakyat yang terdiri daripada petani dan pekerja daripada yang terdiri daripada golongan majikan. Sudah tentu dasar dan cara yang dipilih oleh Kerajaan mestilah yang menguntungkan petani dan pekerja yang lebih ramai. Jika tidak, Kerajaan demokratik tidak mungkin berkuasa. Oleh kerana itu, apabila Kerajaan mencadangkan sesuatu seperti 'in-house union' tujuannya bukanlah untuk menguntungkan majikan tetapi adalah untuk pekerja yang lebih ramai lagi. Malangnya kebanyakan daripada cadangan Kerajaan tidak boleh mendatangkan keuntungan dengan serta merta. Ini ialah kerana keuntungan jangka pendek tidak kekal dan akan membawa kecelakaan kemudiannya. Rancangan yang membawa keuntungan yang lebih baik dan berkekalan adalah yang memerlukan pengorbanan pada peringkat awal. Kaedahnya samalah dengan menuntut ilmu. Kita boleh bekerja apabila sahaja kita lulus SPM umpamanya, tetapi walaupun kita boleh dapat gaji lebih awal, gaji itu tidaklah tinggi. Sebaliknya jika kita korbankan beberapa tahun lagi untuk belajar di universiti, kita akan dapat gaji yang lebih tinggi lagi apabila lulus. Demikianlah juga dengan cadangan Kerajaan supaya diadakan 'in-house union'. Korban awal ini akan membawa lebih keuntungan kemudiannya. Jika kita terikut-ikut dengan saranan bahawa kita cukup kuat untuk mendesak-desak, industri kita tidak akan menjadi 'competitive' dan akhirnya kita sendiri akan rugi walau bagaimana kuat sekalipun kesatuan kita.

14. Saya sedar bahawa pekerja-pekerja PERSTIMA telah memilih untuk menjadi ahli MIEU. Kita tidak melarang. Tetapi berhati-hatilah. Kesatuan yang besar dan kuat memang boleh membuat tuntutan yang lebih menguntungkan pekerja. Tetapi peluang bekerja wujud kerana adanya kilang. Sebelum kilang diadakan tidak ada orang yang mengambil berat tentang pendapatan kita. Cuma Kerajaan sahaja yang berasa bertanggungjawab untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Janganlah kita membakarkan jambatan setelah menyeberangi sungai. Masih ramai yang ingin menyeberangi sungai itu.

15. Saya bercakap secara ikhlas. Jika ketenangan terdapat dalam sektor perusahaan, kita akan maju. Kemajuan yang berkekalan akan membawa faedah dan keuntungan yang lebih kepada semua rakyat Malaysia, samada pekerja atau majikan. Jika kita sudah maju kita akan dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bangsa-bangsa lain.

16. Kejayaanlah yang akan menentukan maruah kita terpelihara -- bukan kemarahan kita kepada mereka yang menghina kita. Terpulanglah kepada kita untuk menentukan kita berjaya atau tidak. Kerajaan tidak dapat memaksa rakyat supaya berjaya. Kerajaan cuma boleh menyediakan peluang-peluang dan mengadakan rancangan-rancangan. Akhirnya yang akan menjayakan kita atau tidak, ialah kita sendiri.

17. Malaysia mempunyai potensi yang jelas untuk menjadi negara maju dalam jangka masa yang tidak begitu panjang. Kita dikurniakan oleh Tuhan dengan tanah yang subur, iklim yang baik, bijih dan minyak, dan seribu satu nikmat lagi. Kita tidak didedah kepada gempa bumi, ribut taufan dan lain-lain bencana yang besar. Jika kita belum menjadi maju kita tidak boleh salahkan alam sekitar. Kitalah yang salah.

18. Manusia yang waras mestilah membetulkan kesalahannya. Inilah yang sedang diusahakan oleh Kerajaan. Mudah-mudahan kita akan bersyukur dan insaf dan kita akan balas nikmat yang dikurniakan oleh Tuhan dengan menggunakannya secara baik dan berhasil.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

19. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah PERSTIMA kerana memberi saya peluang berucap dan melakukan perasmian kilang PERSTIMA ini. Dengan itu, saya dengan sukacitanya membuka kilang PERSTIMA ini dengan rasminya.